



**JABATAN AGAMA ISLAM PERAK,
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGlima BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK
NO. TEL: 05-2084800 / NO. FAKS: 05-2555512**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputra sahaja yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor dan CIDB dalam Kelas dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan yang dimiliki 100% rakyat tempatan dan masih dibenarkan membuat sebut harga pada masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

NOMBOR SEBUTHARGA	TAJUK SEBUTHARGA	PENGKHUSUSAN BPKU(PKK) / CIDB
JAIPK (P) 07/2024	KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN MENYELENGGARA BANGUNAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PEJABAT AGAMA DAERAH HILIR PERAK	G2 (B04)
JAIPK (P) 08/2024	KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN MENYELENGGARA BANGUNAN DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG SYARIAH, JAIPK SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	G2 (B04)
JAIPK (P) 09/2024	KERJA-KERJA MEMBINA SEBUAH ASTAKA TERMASUK BILIK STOR DI PADANG SEKOLAH SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI SEKOLAH MAAHAD TAHFIZ DARUL RIDZUAN LENGGONG, LENGGONG, PERAK DARUL RIDZUAN	G2 (B04)
JAIPK (P) 10/2024	KERJA-KERJA MENGECAT BANGUNAN ASRAMA SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI SEKOLAH RAJA DR NAZRIN SHAH KG GAJAH	G1 (B04)
JAIPK (P) 11/2024	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BANGUNAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI MASJID SULTAN AZLAN SHAH IPOH PERAK	G1 (B04)

2. Lawatan tapak **TIDAK DIWAJIBKAN** tetapi kontraktor boleh hadir ke tapak secara individu bagi sebut harga yang ditawarkan. Kontraktor hendaklah mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan Covid-19 dan penjarakan sosial oleh KKM dan MKN.
3. Borang sebut harga boleh didapati di **Tingkat 3, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak** mulai **20 JUN 2024 (KHAMIS)** seperti waktu berikut :-

Isnin hingga Khamis : Dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari

Jumaat : Dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari

Dan tarikh akhir jualan borang sebut harga adalah pada **27 JUN 2024 (KHAMIS) Jam 12.00 Tengahari**.

4. Dokumen sebut harga berharga **RM 20.00 senaskah bagi G1 dan RM 50.00 senaskah bagi G2**. Pembayaran hendaklah dibuat secara **TUNAI ATAU KAD DEBIT**. Penjualan dokumen sebut harga hanya akan dibuat kepada syarikat yang mengemukakan **SIJIL PENDAFTARAN PKK dan CIDB yang asal dan masih sah dan diperakui** serta SATU (1) Salinan sijil berkenaan hendaklah dikemukakan untuk simpanan dan rekod pembayaran Jabatan. **Wakil syarikat layak membeli SATU (1) borang sebut harga sahaja** dan dikehendaki untuk mengemukakan surat wakil.
5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan ditandakan dengan jelas **TAJUK dan NOMBOR SEBUT HARGA** di sebelah kanan bahagian atas sampul surat. Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA DI BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK** pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, **27 JUN 2024 (KHAMIS)**. Jabatan Agama Islam Perak tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dikemukakan melalui pos. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan. Jabatan Agama Islam Perak juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.



**PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK**